

## 'UMS perlu kekal bersatu, fokus kepada integriti dan peningkatan produktiviti'

**Larissa Lumandan dan Rayner Majantim**

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mesti kekal bersatu, fokus kepada integriti dan peningkatan produktiviti untuk mencapai kecemerlangan kebangsaan serta antarabangsa.

Yang Dipertua Negeri Tun Dr Juhar Mahiruddin menjelaskan, hal ini kerana universiti-universiti menyumbang kepada kejayaan negara.

"Ia bukan tempat untuk berjuang

demi kepentingan sendiri atau mana-mana puak. Kepentingan awam harus mengatasi kepentingan peribadi," katanya.

Juhar berkata demikian semasa Majlis Konvokesyen ke-16 universiti itu di Dewan Canselor di sini pada Sabtu lepas.

"Saya juga ingin mengingatkan semua orang untuk fokus kepada pembangunan modal insan selain daripada meningkatkan penyelidikan dan menawarkan perkhidmatan profesional

yang memberi manfaat kepada rakyat, Negeri dan negara.

"Semua ini harus dilakukan secara profesional untuk kepentingan negara dan bukan untuk manfaat mana-mana individu atau puak politik," katanya.

Menurut beliau, sebuah universiti bertindak sebagai tanda peradaban dan ketinggian intelek masyarakat.

Universiti terbaik, jelas beliau, akan menghasilkan impak dan menawarkan penyelesaian kepada polemik yang wujud dalam kalangan masyarakat,

sama ada struktur atau sebaliknya.

Oleh itu beliau berkata universiti harus menyediakan idea baru bukan hanya dalam kalangan orangnya tetapi juga kepada awam.

"Pengetahuan memainkan kunci penting dalam mengubah individu dan masyarakat seluruhnya, dengan itu universiti akan mencapai nilai lebih tinggi," katanya.

Beliau kemudian menegaskan tentang kepentingan ilmu yang bukan hanya perlu diterokai seseorang tetapi

juga perlu dihargai.

"Kita telah menghasilkan individu yang berpengetahuan daripada pelbagai universiti tetapi ia tidak bermakna kita telah memperoleh semuanya, sebaliknya negara memerlukan pakar dalam setiap bidang untuk manfaat masa depan," katanya, menyatakan kepuasannya terhadap UMS atas usaha mereka menjadikan terkenal di seluruh negeri.

Lebih daripada 4,000 graduan akan menerima skrol sepanjang majlis itu.